

20 JUL 1999

NGO-Tabung

NGO MINTA RAKAN-RAKANNYA KETEPIKAN PERASAAN PRIBADI

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Pemimpin dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berpengaruh yang mewakili masyarakat India, hari ini merayu rakan NGO lain mengetepikan perasaan pribadi dan menimbangkan semula bantahan mereka terhadap pembubaran Tabung Buruh India Selatan.

Presiden Persatuan Hindu Sangam Malaysia (MHS) A.Vaithilingam dan pemimpin Majlis Belia Hindu Malaysia (MHYC) R.P.Velayutham berkata mereka kesal kerana sebilangan daripada 16 badan-badan kecil NGO telah menggunakan kempen "Hentikan Pembubaran" itu sebagai landasan bagi menyuarakan kebencian mereka terhadap pemimpin politik tertentu.

Dalam satu kenyataan bersama, mereka berkata NGO sepatutnya menyuarakan pendapat utama bahawa mereka terkejut dengan cadangan tiba-tiba bagi membubarkan tabung itu tanpa memaklumpkannya kepada orang ramai terutama masyarakat India mengenai sebab sebenar.

Vaithilingam dan Velayutham berkata selepas perbincangan dua hari, mereka merumuskan bahawa mereka gembira dengan jaminan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memastikan keperluan masyarakat India terpelihara.

Sabtu lepas, Perdana Menteri dipetik sebagai berkata bahawa kerajaan akan mengkaji nasib mereka yang terjejas berikutan pembubaran tabung itu dan keperluan masyarakat India.

Dr Mahathir juga berkata mereka yang menentang pembubaran itu adalah berpunca daripada dorongan politik.

Vaithilingam dan Velayutham juga merayu dua akhbar harian utama berbahasa Tamil menghentikan "peperangan" mereka mengenai isu itu demi kebaikan masyarakat dengan mengambil kira jaminan perdana menteri.

Bagaimanapun kedua-dua pemimpin itu merasakan pembubaran tabung itu tidak kena dengan masanya dan pihak berkuasa patut bertanggungjawab kerana gagal memberikan maklumat sebenar kepada orang ramai.

"Kita kesal kerana Kementerian Sumber Manusia meneruskan rang undang-undang itu walaupun sebahagian besar masyarakat merayu penangguhannya," katanya.

Mereka berkata MHS dan MHYC menyambut baik penubuhan institut latihan teknikal di kawasan yang dimiliki tabung itu.

Mereka juga berharap kepakaran Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED) milik MIC digunakan bagi penubuhan institut terbabit.

Kedua-dua NGO juga meminta Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu menimbang semula keputusannya membatalkan pertemuan dengan mereka.

"Kami bersedia berjumpa beliau (Samy Vellu) walaupun yang lain tidak berminat. Kami mahukan peluang untuk bertukar-tukar pendapat," katanya.

-- BERNAMA

ES LAT RON